




**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Rujukan Kami : PTG/WP16/17Jld.89 (6)
Tarikh : 17 Mei 2018

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
(Malaysia Bar Council)
No 13, 15 dan 17, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

 Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur
(Kuala Lumpur Bar Committee)
No 1 Jalan Hang Lekir
50000 KUALA LUMPUR



Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI KETIADAAN PENGEPOSAN SURAT MAKLUMAN
MELALUI POS BIASA KEPADA PENYERAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Jabatan ini sedang di dalam proses mengkaji semula prosedur kerja di pejabat ini yang telah menjadi kurang relevan selaras dengan penggunaan sistem e-Tanah. Salah satu daripada proses kerja yang terlibat adalah memproses sejumlah besar notis-notis makluman bagi perserahan untuk dimasukkan ke dalam sampul surat dan diuruskan untuk serahan kepada penyerah melalui pos biasa. Untuk makluman jua, pengeposan surat makluman kepada penyerah secara pos biasa adalah merupakan inisiatif tambahan pejabat ini bagi **memaklumkan penyerah akan status permohonan yang berstatus daftar ataupun tolak.**

3. Memandangkan perkara yang sama telah disediakan melalui menu e-Semakan di Portal Rasmi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan pemakluman melalui emel serta kearah penjimatan kertas, Jabatan ini berpandangan bahawa sudah tiada keperluan bagi Jabatan ini memperuntukkan tenaga manusia khusus bagi kerja-kerja pengurusan notis ini dan memutuskan bahawa **mulai 1 Jun 2018, surat makluman status perserahan tidak akan dicetak dan diposkan kepada penyerah.**

Sokata Kita Kita



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT NO. : AR 5152

4. Walau bagaimanapun, pengecualian bagi pemakluman secara pos biasa ini adalah tidak terpakai kepada notis-notis yang secara jelas memerlukan ianya disampaikan secara Seksyen 431-433 Kanun Tanah Negara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NOR AZURA BINTI ABDUL RAHMAN)

b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur